

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN

UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

EKSPEDISI USAHAWAN MUDA UiTM (EUUMIS)

Pelapor: Mohamad Akmal Mohd Ashari



Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang buat julung kalinya telah berjaya menganjurkan program lawatan ke kilang pembuatan coklat yang telah meningkatkan kesedaran pelajar berkenaan ilmu keusahawanan dalam kehidupan seharian sebagai pelajar universiti.

Program ini melibatkan seramai 40 orang peserta yang merangkumi 30 orang Jawatankuasa Perwakilan Kolej, Sekretariat Kolej dan beberapa orang pelajar perubatan dan pergigian serta diiringi seramai 6 orang Staf Residen Kolej. Program ini telah berlangsung di Kilang Coklat Beryl's, Seri Kembangan, Selangor.



Aktiviti sepanjang program tersebut termasuklah penerangan digital berkenaan cara pembuatan coklat, proses pembungkusan dan cara pemasaran untuk penjualan. Dalam program ini juga, para peserta dibawa untuk melawat muzium yang memaparkan tentang sejarah kewujudan coklat. Melalui program tersebut, para peserta dapat menimba ilmu pengetahuan yang mendalam berkenaan ilmu pemasaran produk yang berkesan dalam melakukan sesuatu perniagaan.

Selaras dengan objektif program ini, ilmu keusahawanan dapat dipupuk dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta dapat mencapai hasrat UiTM dalam membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik namun berkebolehan tinggi dan diharapkan para peserta mendapat pengalaman yang berkesan melalui lawatan ini.

